

OLEH KURNIAWATI KAMARUDIN
FOTO: BERNAMA

"JIKA kamu mempermudah urusan orang lain, nescaya urusan kamu juga akan dipermudahkan oleh ALLAH."

Mutiara kata pendek itu menjadi pembakar semangat pakar Ortopedik, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM) Cheras, Selangor, Prof Madya Dr Mohd Yazid Bajuri dalam usaha beliau membantu pesakit diabetes mellitus atau kencing manis.

Merupakan satu satunya pakar pembedahan kaki dan buku lali di HCTM, usahanya mencari inovasi terbaharu kaedah rawatan dan pemulihan terbaik untuk pesakit kencing manis tidak pernah berhenti.

Mula menjadi doktor pakar pada 2009, awalnya beliau melihat begitu banyak ranjau terpaksa ditanggung pesakit terutama yang membabitkan luka di bahagian kaki akibat penyakit pembunuh senyap itu. Keadaan tersebut mendorong Dr Mohd Yazid melakukan penyelidikan demi penyelidikan.

"Walaupun tugas doktor adalah merawat, tetapi saya berminat untuk memberi sesuatu yang lebih kepada pesakit dengan melakukan kajian bagi mencipta inovasi untuk membantu masalah dihadapi penderita kencing manis," katanya kepada Bernama dalam wawancara baru-baru ini.

Inovasi baharu

Terbaharu, beliau sedang melakukan penyelidikan bagi menghasilkan pencuci luka yang mampu mempercepatkan proses penyembuhan luka pesakit dengan lebih optimum iaitu pengeringan luka seawal tujuh hari.

"Inovasi baharu itu boleh membunuh semua jenis bakteria dan kuman yang ada pada luka. Pencuci luka ini dijangka siap pada pertengahan 2020.

"Selain dapat membantu mempercepatkan penyembuhan luka, ia juga boleh mengurangkan kos rawatan pesakit kerana hanya menggunakan satu pencuci luka untuk semua jenis luka," katanya.

Pada masa ini pencuci luka yang terdapat di pasaran hanya mampu membunuh sesetengah spesies bakteria sahaja.



"Saya merangkakan program untuk pesakit yang masuk ke sini daripada pemakanan melalui diet mereka, penjagaan luka dan sebagainya. Jika terdapat komplikasi pada luka tersebut, contohnya kuman dan bakteria merebak ke dalam darah, pakar perubatan dalaman akan dirujuk untuk tindakan seterusnya."

- Prof Madya Dr Mohd Yazid Bajuri



Inovasi bantu

Pun demikian, apabila terdapat bakteria lain pada luka, ia tidak mampu melawannya dan menyebabkan luka lambat sembuh. Pesakit pula perlu menggunakan bebetapa jenis pencuci luka mengikut keadaan dan tahap luka yang dihadapi.

Bapa kepada tiga orang cahaya mata itu berkata, hampir 30 peratus pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan di wad ortopedik mempunyai luka teruk di kaki.

"Mereka (pesakit diabetes) memerlukan penjagaan rapi bagi mengelakkan luka. Kebanyakan pada awalnya tidak perasan luka telah berlaku kerana sistem saraf sudah tidak lagi sensitif menyebabkan hilang deria sentuh seperti orang normal.

"Sesetengahnya pula sedar akan luka di kaki. Tetapi disebabkan rasa takut kaki dipotong, menyebabkan mereka lambat mendapatkan rawatan di hospital. Ini boleh menyebabkan komplikasi kuman merebak ke bahagian badan yang lain," katanya.

Dr Mohd Yazid menjelaskan, kesan penyakit diabetes mellitus Jenis II ini bukan sahaja memudaratkan kesihatan, tetapi menjejaskan sumber ekonomi dan sosial pesakit serta keluarga untuk jangka panjang.

"Kebanyakan pesakit yang mendapatkan rawatan adalah dalam kalangan mereka berpendapatan isi rumah rendah (B40) yang sudah tentu memberi kesan ekonomi kepada keluarga.

"Apabila luka teruk pada kaki, sudah tentu mereka tidak mampu bekerja, bayangkan jika lelaki yang menjadi ketua keluarga. Ia memberi kesan kepada keluarga, terutama pada isteri dan anak-anak," katanya.

Wad khas penjagaan kaki

Bukan setakat memerlukan sokongan keluarga, penghidap diabetes juga harus dipantau secara optimum di hospital bagi mempercepatkan proses penyembuhan.

Melihat kepada keperluan untuk memberikan rawatan lebih berkualiti, Dr Yazid yang juga pensyarah di Fakulti

Dr Yazid ha



Dr Mohd Yazid (kanan) ketika pemeriksaan rutin pesakit

Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menubuhkan wad penjagaan kaki dan buku lali yang beroperasi sejak 2018.

Wad khas yang terletak bersebelahan wad ortopedik lelaki itu berjaya ditubuhkan hasil sumbangan Dana Wakaf Selangor Muamalat.

Peruntukan sebanyak RM300,000 digunakan bagi mengubah suai ruang rehat dan menunggu keluarga pesakit kepada sebuah wad yang selesa khusus untuk penjagaan kaki pesakit diabetes.

Selain itu, Berjaya Group Berhad juga turut menyumbang dana sebanyak RM40,000 bagi bantuan membeli peralatan di wad tersebut.

"Saya merangkakan program untuk pesakit yang masuk ke sini daripada pemakanan melalui diet mereka, penjagaan luka dan sebagainya. Jika terdapat komplikasi pada luka tersebut, contohnya kuman dan bakteria merebak ke dalam darah, pakar perubatan dalaman akan dirujuk untuk tindakan seterusnya.

"Ini membezakan rawatan diabetes di HCTM dengan hospital lain di Malaysia kemudahannya lebih lengkap dengan pelbagai disiplin kepakaran khusus untuk pesakit kencing manis," katanya dengan menambah, setakat ini wad berkenaan merawat sekitar 100 orang pesakit. Terdapat beberapa kaedah rawatan